

14 NOV 1999

Abdullah-Aspirasi

ASPIRASI RAKYAT JADI TERAS PERJUANGAN BARISAN NASIONAL

PULAU PINANG, 14 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata aspirasi rakyat yang mahu sebuah kerajaan yang berupaya menjamin masa depan dan keamanan negara akan menjadi teras kempen Barisan Nasional (BN) menjelang pilihan raya umum ke-10 29 Nov ini.

Beliau berkata, rakyat mahu negara yang aman dan selamat agar mereka boleh meneruskan kehidupan dalam keadaan yang selesa, dapat mencari rezeki serta memperolehi peluang pekerjaan dan bergerak bebas tanpa sekatan.

Katanya, semua ini hanya akan diperolehi melalui usaha yang bersungguh-sungguh daripada kerajaan BN dan bukannya terjadi dengan sendiri.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas menghadiri mesyuarat BN Negeri di Menara Umno di sini, beliau berkata contoh kejayaan kerajaan BN yang terbaik ialah kemampuannya menangani masalah ekonomi dengan tidak meninggalkan kesan sosial yang buruk kepada rakyat seperti yang berlaku di negara lain.

"Walaupun pemulihan ekonomi negara tidak secepat beberapa negara lain yang turut dilanda masalah yang sama, kita harus berbangga bahawa ia diselesaikan dengan cara kita sendiri dan tidak meninggalkan beban hutang kepada generasi akan datang," katanya.

Abdullah, yang juga Naib Presiden UMNO, berkata kesan ketara yang dapat dilihat ialah inflasi dapat dikawal pada tahap yang rendah, jumlah pengangguran yang kecil dan rizab negara amat kukuh sehingga mampu membiayai kos import tertanggung selama enam bulan.

Tidak seperti beberapa negara lain, katanya, rakyat di negara ini memberikan sokongan dan kepercayaan kepada kerajaan untuk melaksanakan langkah-langkah pemulihan tanpa berlaku mogok dan pergaduhan.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa BN ialah sebuah parti yang memperjuangkan nasib rakyat dan menjadi lambang aspirasi dan kerjasama antara kaum untuk mencapai keamanan, keselamatan dan mempunyai peluang untuk hidup dengan cara yang lebih berkualiti.

"Rakyat perlu memahami bahawa segala usaha kerajaan selama ini merupakan usaha yang dihasratkan oleh rakyat," katanya.

Abdullah, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata mesyuarat hari ini bersetuju untuk memberikan sokongan padu kepada mana-mana calon parti komponen yang dipilih bertanding dan melihatnya sebagai calon daripada BN.

"Mereka harus dilihat sebagai calon BN dan bukan parti-parti komponen lagi," katanya.

Beliau juga berkata mesyuarat itu bersetuju menerima pembahagian kerusi yang ditetapkan tanpa menimbulkan sebarang pertelingkahan, begitu juga dengan pertukaran kawasan yang bakal diwakili calon berkenaan.

"Sesiapa sahaja yang diarah bertanding di sesebuah kawasan yang ditetapkan oleh pucuk pimpinan perlu diberi sokongan," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai calon yang bakal dipilih termasuk pengguguran muka lama serta kawasan yang akan ditandingi oleh mereka berikutan perkara itu perlu diputuskan oleh ketua-ketua parti komponen dalam mesyuarat bersama dengan pengerusi parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata senarai calon Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang yang akan bertanding pada pilihan raya kali ini akan dikemukakan oleh ketua-ketua parti komponen masing-masing kepada Dr Mahathir.

Mengenai manifesto BN, Abdullah, yang juga Pengerusi Manifesto BN, berkata parti itu akan mengeluarkan satu manifesto untuk digunapakai oleh semua parti komponen di seluruh negara.

Bagaimanapun, Sabah dan Sarawak dibenar mengeluarkan satu lagi manifesto tambahan berikutan keadaan di sana agak berlainan dan mempunyai isu-isu tertentu yang mahu ditekankan.

"Perlu diingat bahawa manifesto tambahan itu tidak bercanggah dengan manifesto induk BN yang digunapakai di seluruh negara," katanya.

-- BERNAMA

ZU AKD